



Edisi 1/2014

<http://www.utm.my/ipf>

[Institusi Pembangunan Felo \(IPF\) UTM](#)

MENARIK EDISI INI

- Mesyuarat Agung IPF
- Bengkel Strategik IPF
- Hari Keluarga IPF
- Majlis Berbuka Puasa

SIDANG REDAKSI

Ketua Editor:

En. Azizul bin Azman

Editor:

En. Ahmad Riza'ain bin Yusoff

Jurugambar:

En. Kiflee bin Jimpi

En. Hadafitri bin Mohd Latiff

Wartawan:

Dr. Rabia Bakhteri

Pn. Siti Aishah binti Abdul Hamid

Pn. Nurul Na'imma binti Hamdan

Pereka Grafik:

En. Mohammed bin Mohd Hasni

Dr. Nor Fasihah binti Mohd Yusof

Dr. Noorfa Haszrina bte Mustaffa

Tugas-tugas Khas:

En. Yong Kum Weng

FAKTA NOMBOR

10 Pengetua

50 Felo

46 Pembantu Felo

* sehingga Ogos 2014

Mesyuarat Agung Institusi Pembangunan Felo (IPF) 2014



Mesyuarat Agung IPF 2014 telah berjaya diadakan pada 27 Januari 2014 bertempat di Dewan Senat UTM. Mesyuarat bermula jam 8 malam dan berakhir pada jam 11 malam ini telah dihadiri lebih 60 orang yang terdiri daripada pengetua, felo dan pembantu felo dari seluruh kolej kediaman di UTM. Antara agenda mesyuarat adalah pembentukan organisasi IPF bagi tahun 2014 yang dibuat melalui undian dan pembentangan kewangan IPF bagi tahun 2013 oleh bendahari IPF iaitu En. Wan Hairul Anuar bin Kamaruddin. Bagi tahun 2014, Dr. Ahmad Johari bin Sihes telah dilantik sebagai Pengurus IPF dengan mengekalkan jawatan sebelum ini. Berikut merupakan jawatankuasa IPF bagi tahun 2014/2015:

SENARAI JAWATANKUASA IPF 2014/2015

Pengerusi	:	Dr. Ahmad Johari bin Sihes
Timbalan Pengerusi	:	P.M. Dr. Shamsuddin bin Ahmad
Setiausaha	:	En. Azri bin Hohad
Penolong Setiausaha	:	En. Syamsul Hendra bin Mahmud
Bendahari	:	En. Md Yani bin Kasiren
AJK Kehormat	:	P.M. Dr. Abdullah Sani bin Ahmad
		Dr. Roshanida binti A. Rahman
		Dr. Mohd Khata bin Jabor
		Dr. Mohamad Hafis Izran bin Ishak
		P.M. Dr. Sulaiman bin Kadikon
		Dr. Murtadha bin Mohamed
		Dr. Liza Md. Salleh
		P.M. Dr. Yahya bin Buntat
Ketua Biro Kerohanian	:	En. Shahrel Ahmad bin Shuhel Ahmad
Ketua Biro Kebajikan & Sosial	:	En. Mohd Amin bin Derani
Ketua Biro Pembangunan & Budaya Ilmu	:	Dr. Jasril Jamani bin Jamian
Ketua Biro Sukan & Rekreasi	:	En. Roslan bin Abd Ghani
Ketua Biro Komunikasi & Dokumentasi	:	En. Azizul bin Azman
Pemeriksa Kira-kira I	:	En. Rosnizam bin Maarof
Pemeriksa Kira-kira II	:	En. Shamsul Azli bin Shamsuray

PERANCANGAN AKTIVITI IPF 2014

- ✓ Boling Ria IPF
- ✓ Badminton IPF
- ✓ Kutipan Raya Korban
- ✓ Tour De Singapore
- ✓ Mendaki Gunung Muntahak
- ✓ Program Awal Muharam
- ✓ Lawatan ke Rumah Anak Yatim

Hari Keluarga IPF

Jawatankuasa Hari Keluarga IPF bagi tahun 2014 yang diuruskan oleh Kolej 9 dan 10 telah berjaya menganjurkan Hari keluarga IPF bagi tahun 2014. Program yang diketuai oleh **Pn. Johana binti Mohd. Jobil** ini telah diadakan pada **19 April 2014** berhampiran Tasik di hadapan Pusat Kesihatan Universiti. Program ini telah dihadiri oleh lebih 40 orang ahli IPF bersama keluarga masing-masing. Pelbagai aktiviti menarik telah berjaya dilaksanakan seperti pertandingan mengupas bawang, boling kelapa, menghias kek cawan, pertandingan mewarna, kerusi muzik, cabaran teh tarik dan pelbagai lagi. **Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni), Prof. Dr. Mohd Ismail bin Abd Aziz** telah turut hadir bagi merasmikan program ini.

BENGKEL STRATEGIK IPF



Pada 25 Februari 2014, IPF telah mengadakan Bengkel Strategik IPF bertempat di Dewan Banquet, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim. Bengkel ini bermula pada jam 9.00 malam dengan malam dengan kehadiran jawatankuasa-jawatankuasa IPF yang telah dilantik pada Mesyuarat Agung IPF dan semua ahli IPF. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk merancang aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan oleh pihak IPF dan biro-biro sepanjang tahun 2014. Ahli-ahli IPF telah dibahagikan mengikut biro-biro yang telah dinamakan oleh pengetua kolej masing-masing. Di akhir bengkel tersebut, pihak biro telah berjaya merancang aktiviti-aktiviti untuk tahun 2014.

MAJLIS BERBUKA PUASA IPF



Biro Kerohanian, Jawatankuasa IPF 2014 yang diketuai oleh **En. Shahrel Ahmad bin Shuhel Ahmad** telah berjaya menganjurkan Majlis Berbuka Puasa IPF bagi tahun 2014. Majlis ini telah diadakan pada 14 Julai 2014 di Dewan Banquet, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim bermula pada jam 6.30 petang. Majlis telah dimulakan dengan tazkirah ringkas sementara menunggu waktu berbuka. Kolej-kolej telah di minta untuk membawa makanan dan minuman dengan jumlah yang ditetapkan selain daripada makanan utama yang disediakan oleh pihak biro. Majlis ini tamat dengan jayanya pada pukul 8.00 malam.



Lagu Bakti Felo

- Kami felo sentiasa bersedia
- Memastikan pelajar berjaya
- Membimbing membina
- menjaga supaya
- Kecemerlangan diperolehinya
- Mengarahkan pelbagai kegiatan
- Berguna bagi kepimpinannya
- Mencerdaskan minda
- luaskan wawasan
- Membangunkan sahsiah mulia
- Felo UTM sebagai pelindung
- Bagi pelajar tempat bernaung
- Felo UTM menjadi teladan
- Bagi mencapai kegemilangan
- Kami felo ikhlas untuk berbakti
- Berusaha jaga kebajikan
- Berkeupayaan hadapi cabaran
- Untuk capai matlamat terbilang

Ciptaan:
Pak Dwiono Hermantoro

You  Tube: UTM IPF - Bakti Felo

Tazkirah: "Amanah dalam Kerja"

Dalam Islam, amanah adalah salah satu sikap terpuji yang jelas dan terang telah dinyatakan bahawa amanah itu sangat penting dalam menjalani kehidupan sehari-hari.

Kepentingan sikap amanah ini dalam kehidupan kita untuk menjadi orang mukmin yang baik amat jelas terbukti di antara 4 sikap terpuji para nabi dan rasul iaitu Siddiq (Benar), Amanah, Tabliq (Menyampaikan) dan Fatanah (Bijak).

Amanah menuntut kita sebagai Umatnya untuk melakukan apa saja dengan amanah, tidak kira amanah dalam memenuhi tuntutan sebagai Hambanya, sebagai umatnya, terhadap keluarga, masyarakat, diri sendiri dan pekerjaan dilakukannya.

Dalam konteks memenuhi amanah di dalam pekerjaan, pekerja yang bekerja dibayar gaji oleh majikannya perlu sedar ke atas akad (perjanjian) menerima tawaran kerja sebelum ini agar amanah dilakukan dalam pekerjaan tidak terkeluar daripada landasan sebenar mengapa kita menerima pekerjaan yang ditawarkan sebelum ini.

Jika niat kita baik menerima pekerjaan keranaNya, ianya akan melahirkan sikap amanah yang bertapak dihati sampai bila-bila. Tetapi jika niat selain daripada Kerana-Nya, maka sikap amanah yang sepatutnya hadir di dalam hati hamba-Nya akan terhakis dengan kelalaian diri kita sendiri, akibat mengkhianati amanah yang diberikan.

Dalam Surah Al-Anfal ayat 27, Allah SWT telah berfirman yang membawa maksud;

"Wahai orang-orang beriman, janganlah kamu mengkhianati amanah Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedangkan kamu mengetahui salahnya"

Amanah tidak sekali-kali boleh dikhianati, kalau dikhianati juga akan membawa kesalahan yang sangat tidak baik untuk diri kita. Pekerja yang tidak amanah misalnya akan melakukan pekerjaan tanpa panduan dan tata tertib yang betul. Setiap perbuatannya di pejabat sedikitpun tidak takut akan menerima balasan daripada Allah SWT. Melakukan kerja tanpa memikirkan kesan jangka panjang dan jika berlakunya pecah amanah atau amanah dikhianati maka ketenangan hatinya akan hilang kerana takut akan bayang-bayang sendiri, tidur tidak lena dan pelbagai lagi masalah akan terjadi.

Sumber: <http://ondastreet.wordpress.com/>

Logo IPF

Mesyuarat Jawatankuasa IPF pada 6 Mei 2014 telah bersetuju untuk menukar logo IPF yang lama kepada logo baru yang mempunyai perkataan Universiti Teknologi Malaysia dan Institusi Pembangunan Felo di luar logo seperti di bawah. Diharapkan ahli IPF dapat menggunakan logo baru ini untuk urusan rasmi IPF selepas ini dan logo baru tersebut juga telah dimuatnaik ke dalam facebook IPF. Harap maklum.



Logo Lama



Logo Baru